

EMBARGO: Hanya boleh diterbit atau disebarluaskan pada jam **1200, Selasa, 27 Julai 2021**



KENYATAAN MEDIA
BAGI KELUARAN DALAM NEGERI KASAR (KDNK)
KAEDAH PENDAPATAN MALAYSIA 2020

Lebihan Kendalian Kasar Perusahaan menurun 6.9 peratus pada tahun 2020

PUTRAJAYA, 27 JULAI 2021 – Hari ini, Jabatan Perangkaan Malaysia telah menerbitkan statistik Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) Kaedah Pendapatan bagi tahun 2020. Statistik ini memperincikan pendapatan ke atas faktor pengeluaran dalam ekonomi seperti Pampasan pekerja (PP), Lebihan Kendalian Kasar (LKK) dan Cukai tolak Subsidi ke atas Pengeluaran dan Import.

Ketua Perangkawan Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin berkata, "Keluaran Dalam Negeri Kasar Malaysia pada harga semasa merekodkan penyusutan 6.4 peratus (2019: 4.5%) pada tahun 2020 yang membawa kepada penurunan kesemua komponen pendapatan. PP yang terdiri daripada gaji yang dibayar kepada pekerja merosot 3.0 peratus pada tahun 2020, penurunan kali pertama sejak siri masa direkodkan mulai 2005. Walaupun begitu, sumbangan PP kepada keseluruhan ekonomi meningkat kepada 37.2 peratus (2019: 35.9%) disumbangkan oleh penurunan dalam LKK pada tahun 2020. LKK yang terdiri daripada keuntungan yang diperoleh oleh firma, merosot 6.9 peratus disebabkan oleh pengurangan kapasiti pengeluaran. Oleh itu, senario kemerosotan ekonomi pada tahun 2020 adalah berpunca daripada penutupan ekonomi bagi mengawal penularan wabak seperti perintah berkurnung secara penuh atau separa, peraturan penjarakan sosial, larangan perhimpunan awam dan penutupan sempadan, yang menyebabkan pergerakan individu dan operasi perniagaan yang tidak penting dihenti secara tiba-tiba".

Menurut Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, Ketua Perangkawan Malaysia, PP menyusut 3.0 peratus (2019: 4.8 peratus) di mana semua sektor ekonomi menunjukkan penurunan dalam PP kecuali sektor Pertanian. Kemerosotan PP diterajui oleh sektor Pembinaan dengan penyusutan 18.2 peratus (2019: 1.2%) dipengaruhi oleh penurunan dalam semua subsektor aktiviti pembinaan. Ini diikuti oleh sektor Perkhidmatan di mana PP menyusut 1.4 peratus (2019: 5.9%) disebabkan oleh

penurunan dalam subsektor Perdagangan borong & runcit, makanan & minuman dan penginapan. Sektor Perlombongan & pengkuarian menguncup 15.3 peratus daripada penurunan 4.9 peratus pada tahun sebelumnya. Selain itu, PP dalam sektor Pembuatan mencatatkan penurunan marginal iaitu negatif 0.8 peratus (2019: 4.1%) dipengaruhi oleh prestasi yang lebih perlahan bagi produk Elektrik, elektronik & optikal. Sebaliknya, PP untuk sektor Pertanian mencatatkan pertumbuhan 2.7 peratus (2019: 0.1%) dipacu terutamanya oleh PP dalam aktiviti kelapa sawit dan ternakan.

Dari segi sumbangan, PP bagi sektor Perkhidmatan merupakan pemyumbang terbesar bagi keseluruhan PP Malaysia, dengan sumbangan 63.5 peratus pada tahun 2020. Sumbangan PP dalam sektor Pembuatan adalah sebanyak 22.6 peratus diikuti oleh sektor Pembinaan dan Pertanian dengan masing-masing menyumbang 7.9 peratus dan 4.1 peratus. Bagi sektor selebihnya, Perlombongan & pengkuarian menyumbang 1.9 peratus kepada keseluruhan PP pada tahun 2020.


Beliau juga menambah bahawa prestasi ekonomi Malaysia kurang memberangsangkan pada tahun 2020 dapat dilihat dalam prestasi LKK. LKK merosot 6.9 peratus (2019: 3.7%) yang mana terendah selepas tahun 2009 (-12.6%). Kesemua sektor menunjukkan penurunan dalam LKK kecuali sektor Pertanian. Penyusutan LKK dipengaruhi oleh sektor Perlombongan dan pengkuarian yang mana terus merosot 28.3 peratus (2019: -3.0%) disebabkan oleh harga minyak mentah dan gas asli yang rendah. Bagi sektor Perkhidmatan, LKK menyusut 4.9 peratus (2019: 6.6%) disokong oleh aktiviti Perdagangan borong & runcit, makanan & minuman dan penginapan. Sementara itu, LKK dalam sektor Pembuatan menyusut 4.4 peratus (2019: 1.5%) dipengaruhi oleh penurunan dua digit dalam Produk petroleum, kimia, getah & plastik dan Produk mineral bukan logam, logam asas dan produk logam yang direka. Begitu juga, LKK dalam sektor Pembinaan jatuh pada 15.7 peratus (2019: 10.4%) di mana sebahagian besarnya dipengaruhi oleh penurunan aktiviti Kejuruteraan awam yang ketara. Namun demikian, LKK dalam sektor Pertanian berkembang pada 7.3 peratus dari pertumbuhan marginal 0.9 peratus pada tahun 2019. Pertumbuhan ini disokong oleh Getah, kelapa sawit, ternakan dan pertanian lain yang disokong oleh harga komoditi yang lebih tinggi terutamanya harga kelapa sawit.

Lebihan Kendalian Kasar (LKK) menyumbang 60.1 peratus (2019: 60.4%) kepada keseluruhan ekonomi pada tahun 2020. Sektor Perkhidmatan terus menjadi penyumbang utama kepada keseluruhan LKK dengan sumbangan 56.0 peratus. Ini diikuti oleh sektor Pembuatan pada 21.6 peratus, Pertanian pada 10.5 peratus dan Perlombongan & pengkuarian pada 10.0 peratus. Sementara itu, sektor Pembinaan menyumbang 1.9 peratus pada keseluruhan LKK.

Akhir sekali, sumbangan komponen pendapatan yang paling rendah dalam KDNK kaedah pendapatan adalah Cukai tolak subsidi ke atas Pengeluaran dan Import yang menyumbang 2.7 peratus kepada keseluruhan ekonomi. Cukai tolak subsidi merekodkan penurunan yang ketara pada 30.4 peratus disebabkan oleh pengeluaran Subsidi yang lebih tinggi dan Cukai ke atas Pengeluaran dan Import yang lebih rendah pada tahun 2020.

Melalui perbandingan KDNK Kaedah Pendapatan bagi negara terpilih pada tahun 2020, Malaysia merekodkan peratus sumbangan Lebihan Kendalian Kasar tertinggi iaitu 60.1 peratus seperti yang ditunjukkan dalam Carta 1. Justeru, statistik KDNK Kaedah Pendapatan adalah penunjuk penting bagi menentukan pulangan ke atas faktor pengeluaran dalam ekonomi Malaysia.

Carta 1: Statistik KDNK Kaedah Pendapatan bagi Negara Terpilih, 2020



Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia 2020 (Banci Malaysia 2020) secara dalam talian (e-Census) sedang dilaksanakan di seluruh negara sehingga liputan penuh dapat dicapai. Semua penduduk Malaysia diseru untuk memberikan kerjasama dalam menjayakan Banci Malaysia 2020 bagi memastikan tiada yang ketinggalan kerana

data anda masa depan kita. Sila layari portal Banci Malaysia 2020 di www.mycensus.gov.my atau media sosial @MyCensus2020 untuk maklumat lanjut.

Dikeluarkan oleh:

**PEJABAT KETUA PERANGKAWAN MALAYSIA
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA
27 JULAI 2021**



MEDIA STATEMENT
MALAYSIA'S GROSS DOMESTIC PRODUCT (GDP)
INCOME APPROACH 2020

Business Gross Operating Surplus decreased by 6.9 per cent in 2020

PUTRAJAYA, 27 JULY 2021 – Today, Department of Statistics Malaysia (DOSM) released the Statistics of Malaysia's Gross Domestic Product (GDP) Income Approach for the year 2020. The statistics present the income earned by all the factors of production in an economy such as Compensation of Employees (CE), Gross Operating Surplus (GOS) and Taxes less Subsidies on Production and Imports components.

Chief Statistician Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin said, “Malaysia’s Gross Domestic Product (GDP) in current prices recorded a decrease of 6.4 per cent (2019: 4.5%) in 2020 which resulted all income components declined. The CE consists of wages paid to employees declined 3.0 per cent in 2020, fell for the first time since the series began in 2005. Nonetheless, the share of CE to the total economy increased to 37.2 per cent (2019:35.9%) contributed by the decrease share of the GOS in 2020. The GOS consists of corporate profits earned by firms, slumped 6.9 per cent attributed by the lower capacity of production. Thus, the economic downturn scenario in 2020 was a consequence of economic closure for containment measures such as full or partial lockdowns, physical distancing rules, bans on public gatherings and border closures, which led to a sudden stop in the mobility of individuals and non-essential business operations”.

According to him, the CE contracted 3.0 per cent (2019: 4.8%) by all economic sectors showed a decline in CE except for Agriculture sector. The contraction in CE was led by Construction sector which shrank 18.2 per cent (2019: 1.2%) influenced by the decline in all sub-sectors of construction activities. This was followed by the Services sector whereby the CE descended 1.4 per cent (2019: 5.9%) attributed to the decrease in Wholesale & retail trade, food & beverage and accommodation sub-sector. Mining & quarrying sector contracted 15.3 per cent from a decrease of 4.9 per cent in the

previous year. Moreover, CE in Manufacturing sector registered marginal negative of 0.8 per cent (2019: 4.1%) influenced by a slower performance in Electrical, electronic & optical products. On the contrary, CE of Agriculture sector posted a growth of 2.7 per cent (2019: 0.1%) mainly driven by the CE in oil palm and livestock activities.

In terms of share, the CE of Services sector was the largest contributor to the total of Malaysia's CE which generated 63.5 per cent in 2020. The share of CE in the Manufacturing sector accounted for 22.6 per cent followed by Construction and Agriculture sectors which contributed 7.9 per cent and 4.1 per cent respectively. The remaining sector, Mining & quarrying constituted 1.9 per cent of the total CE in 2020.


He also added that the lackluster performance of Malaysia's economy in 2020, was reflected in the GOS performance. The GOS slumped 6.9 per cent (2019: 3.7%) which was the lowest after 2009 (-12.6%). All sectors posted a decline in GOS except for the Agriculture sector. The decrease in GOS was influenced by the Mining & quarrying sector which further declined by 28.3 per cent (2019: -3.0%) attributed to lower crude oil and natural gas prices. As for the Services sector, GOS descended by 4.9 per cent (2019: 6.6%) attributed to Wholesale & retail trade, food & beverage and accommodation activities. Furthermore, GOS of Manufacturing sector shrank 4.4 per cent (2019: 1.5%) influenced by a double-digit decline in Petroleum, chemical, rubber & plastic and Non-metallic mineral products, basic metal and fabricated metal products. Likewise, GOS in Construction sector dropped by 15.7 per cent (2019: 10.4%) largely affected by the poor performance in Civil Engineering activities. Nevertheless, GOS in Agriculture sector expanded to 7.3 per cent from a marginal growth of 0.9 per cent in 2019. The growth was supported by Rubber, oil palm, livestock and other agriculture backed by a higher commodity prices especially oil palm prices.

The Gross Operating Surplus (GOS) constituted 60.1 per cent (2019: 60.4%) to the total economy in 2020. Services sector continued as a major contributor to the total GOS with a share of 56.0 per cent. This was followed by the Manufacturing sector at 21.6 per cent, Agriculture at 10.5 per cent and Mining & quarrying at 10.0 per cent. Meanwhile, Construction sector contributed 1.9 per cent of GOS.

Finally, the least share of income component in GDP income approach was Taxes less subsidies on Production and Imports which contributed 2.7 per cent to the total economy. The Taxes less subsidies recorded significant decline of 30.4 per cent as a consequence of higher Subsidies on Production and lower Taxes on Production and Imports in 2020.

Looking at the comparison of GDP by Income Approach for selected countries in 2020, Malaysia recorded the highest percentage of Gross Operating Surplus at 60.1 per cent as depicted in Chart 1. Thus, the GDP by Income Approach statistics are essential to indicate the returns of production factors in Malaysia's economy.

Chart 1: Statistics on GDP by Income Approach for Selected Countries, 2020



The Malaysia Population and Housing Census 2020 (Malaysia Census 2020) via online (e-Census) is being conducted nationwide until full coverage has been accomplished. All Malaysian residents are urged to cooperate in realising the success of Malaysia Census 2020 to ensure that no one is left behind as your data is our future. Please visit the Malaysia Census 2020 portal at www.mycensus.gov.my or social media @MyCensus2020 for more info.

Released by:

**THE OFFICE OF CHIEF STATISTICIAN MALAYSIA
DEPARTMENT OF STATISTICS, MALAYSIA
27 JULY 2021**